

Tahap Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Etnik India

(Level of Motivation in Learning Malay as a Second Language Among Ethnic Indian Students)

Norul Huda Mohd Ghazali^{1*}, Leelambigai A Gunasekar¹, Norshahila Mohamad Razak²

¹ Faculty of Education and Humanities, UNITAR International University, Petaling Jaya, Malaysia

² Faculty of Social Sciences & Leisure Management, Taylor's University, Subang Jaya, Malaysia

*Pengarang Koresponden: huda@unitar.my

Received: 30 July 2025 | Accepted: 18 September 2025 | Published: 1 October 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.5.20>

Abstrak: *Motivasi merupakan elemen penting yang mendorong pelajar bukan penutur natif untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap motivasi pelajar etnik India dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, khususnya dalam aspek penulisan esei. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk kajian kes yang melibatkan 100 orang pelajar etnik India dari Universiti di Petaling Jaya, Selangor. Instrumen kajian berupa soal selidik yang mengandungi 29 item digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 20 untuk mendapatkan statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar etnik India berada pada tahap sederhana dalam mempelajari penulisan esei bahasa Melayu. Hasil ini mencadangkan bahawa tahap motivasi pelajar dapat ditingkatkan melalui penglibatan aktif guru dan pihak universiti dalam proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Justeru, guru bahasa Melayu disarankan untuk mengaplikasikan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan, manakala pihak universiti digalakkan menganjurkan program atau aktiviti yang dapat merangsang motivasi pelajar serta memperkukuh penguasaan bahasa dan kemahiran menulis mereka.*

Kata Kunci: Motivasi, Pelajar Etnik India, Bahasa Melayu, Penulisan Esei

Abstract: *Motivation is a crucial element that drives non-native speakers to learn Malay as a second language. This study aims to identify the level of motivation among Indian ethnic students in learning Malay as a second language, with a specific focus on essay writing skills. The research employed a quantitative case study approach involving 100 Indian ethnic students from UNITAR International University, Petaling Jaya, Selangor. A questionnaire consisting of 29 items was used as the main instrument for data collection. The collected data were analysed using SPSS Version 20 to obtain descriptive statistics. The findings revealed that the motivation level of Indian ethnic students in learning Malay essay writing was at a moderate level. These results suggest that students' motivation can be enhanced through active involvement of teachers and the university in the process of learning Malay as a second language. Therefore, Malay language teachers are encouraged to adopt various effective teaching methods and strategies, while universities are recommended to organise programmes or activities aimed at stimulating students' motivation and strengthening their language proficiency and writing skills.*

Keywords: Motivation, Indian Ethnic Students, Malay Language, Essay Writing

1. Pendahuluan

Motivasi merupakan pendorong dalaman yang menggerakkan individu untuk bertindak dan mencapai matlamat, serta dianggap sebagai pemangkin utama dalam proses pembelajaran (Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli, 2015). Secara fundamental, motivasi menentukan hala tuju dan keberkesanan usaha pelajar dalam pembelajaran (Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Akma Zainon Hamzah, 2014). Penyelidik lain mendefinisikan motivasi sebagai semangat tinggi yang mendorong individu untuk berusaha bersungguh-sungguh demi kejayaan (Chee & Vijaya, 2016). Pelajar yang memiliki tahap motivasi yang tinggi cenderung untuk berusaha gigih, manakala pelajar yang kurang motivasi didapati kurang bersemangat dan pasif.

Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua (B2), motivasi berperanan sebagai pemacu utama kejayaan. Yu Chii Ding (2018) menegaskan bahawa motivasi sangat mempengaruhi keberhasilan dalam mempelajari dan mengekalkan usaha pembelajaran bahasa. Berdasarkan kerangka teori motivasi pembelajaran bahasa, Gardner dan Lambert (1972) mengklasifikasikan motivasi kepada dua jenis utama: motivasi integratif dan motivasi instrumental. Motivasi integratif merujuk kepada minat individu untuk berinteraksi dan memahami komuniti penutur bahasa sasaran, manakala motivasi instrumental digerakkan oleh faktor luaran seperti keperluan pendidikan, pengiktirafan sosial, atau peluang ekonomi.

Satu lagi model motivasi yang signifikan ialah Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory) oleh Deci dan Ryan (2000). Mereka membezakan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik timbul daripada dorongan dalaman yang lahir daripada keseronokan, kepuasan peribadi, atau cabaran, tanpa mengharapkan sebarang ganjaran luaran. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik didorong oleh ganjaran luaran seperti pujian, pengiktirafan, atau keperluan akademik. Kedua-dua jenis motivasi ini dianggap kritikal dalam penguasaan bahasa. Selain itu, Ellis (1994/1997) turut mengemukakan bentuk motivasi lain, termasuk motivasi resultatif (dorongan yang terhasil daripada pencapaian). Namun begitu, kajian ini memfokuskan kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik kerana kedua-duanya secara komprehensif mewakili spektrum dorongan dalaman dan luaran yang mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua.

Di Malaysia, pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sering dikaitkan dengan keperluan pendidikan, terutamanya bagi pelajar bukan Melayu. Sebagai contoh, kelulusan dalam subjek Bahasa Melayu merupakan prasyarat untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi (Zuraini Ramli, 2018).

Bahasa pertama (B1) merujuk kepada bahasa ibunda yang dikuasai sejak kecil, sementara bahasa kedua (B2) pula diperoleh melalui proses pembelajaran formal atau tidak formal dengan matlamat untuk tujuan komunikasi dan penyesuaian sosial (Mahamod, 2016). Pelajar yang bukan penutur asli Bahasa Melayu sering kali berdepan dengan cabaran besar dalam pembelajaran, khususnya dalam kemahiran penulisan, kerana bahasa tersebut jarang digunakan sebagai bahasa harian (Singi & Mahamod, 2019).

Penguasaan kemahiran penulisan terbukti menjadi satu cabaran yang signifikan kerana ia memerlukan kemahiran kognitif yang tinggi untuk menjana, menyusun, dan mengolah idea secara teratur (Jamian et al., 2016). Masalah-masalah utama yang sering dihadapi oleh pelajar

termasuk kesukaran mengolah isi, perbendaharaan kata yang terhad, struktur ayat yang lemah, serta kesalahan tatabahasa (Siti Salwa & Zamri Mahamod, 2022; KPM, 2018). Keterbatasan kosa kata sering kali mengakibatkan pengulangan perkataan dan ayat yang terlalu ringkas, seterusnya menjejaskan mutu penulisan.

Pencapaian dalam penguasaan bahasa kedua ini secara langsung dipengaruhi oleh motivasi dan sikap pelajar. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar dengan tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang tinggi mempunyai keupayaan yang lebih baik dalam menguasai bahasa kedua (Gardner, 1982). Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang motivasi pelajar adalah penting untuk meningkatkan penguasaan kemahiran menulis.

Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu, masalah dalam penulisan esei oleh pelajar bukan penutur asli masih berterusan. Kajian terdahulu mendapati pelajar sering gagal menghasilkan karangan yang menarik kerana idea yang terhad dan pengolahan yang lemah (Yusop & Mahamod, 2015; Said et al., 2017). Sebilangan pelajar juga didapati masih belum menguasai kemahiran asas menulis (Kong et al., 2017), tidak memahami kehendak soalan, dan kerap melakukan kesalahan tatabahasa (Ismail & Zakaria, 2018). Selain itu, masalah dalam aspek kohesi (kesinambungan perkataan) dan koheren (kesinambungan idea) turut dikenal pasti.

Masalah-masalah ini dipercayai berpunca daripada sikap dan tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Sikap yang positif dan tahap motivasi yang tinggi telah terbukti secara signifikan meningkatkan pencapaian akademik (Abdullah, 2004; Peter & Mahamod, 2011). Oleh itu, kajian ini difokuskan untuk mengkaji hubungan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan penguasaan penulisan esei Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar etnik India di sebuah universiti swasta.

Objektif utama kajian adalah untuk:

- a) Mengenal pasti tahap motivasi intrinsik pelajar etnik India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 dari aspek penulisan esei.
- b) Mengenal pasti tahap motivasi ekstrinsik pelajar etnik India dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 dari aspek penulisan esei.

Dapatan kajian ini menawarkan manfaat penting kepada beberapa pihak, terutamanya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pertama, bagi para guru dan pendidik, hasil kajian ini akan menyediakan maklumat relevan mengenai tahap motivasi pelajar. Dengan memahami faktor yang mendorong atau sebaliknya, menghalang motivasi, guru dapat merancang strategi PdP yang lebih berkesan dan interaktif. Pendekatan ini seterusnya berpotensi untuk mengurangkan sikap negatif pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Kedua, bagi para pelajar, hasil kajian ini mampu meningkatkan kesedaran tentang peranan motivasi dalam penguasaan Bahasa Melayu. Mereka akan lebih menghargai bahasa ini bukan hanya sebagai syarat akademik yang wajib diluluskan, tetapi juga sebagai kemahiran komunikasi yang penting dalam konteks masyarakat Malaysia. Akhir sekali, untuk institusi pendidikan seperti universiti, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk merangka program sokongan atau aktiviti kokurikulum. Program-program ini boleh direka khas untuk meningkatkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar, yang seterusnya akan menyokong proses pembelajaran bahasa mereka secara menyeluruh.

Untuk memastikan pemahaman yang seragam, istilah-istilah utama dalam kajian ini ditakrifkan secara operasional. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang timbul daripada

minat, keseronokan, dan kepuasan peribadi pelajar dalam menjalankan sesuatu aktiviti tanpa mengharapkan ganjaran luaran. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik ialah dorongan luaran yang mendorong individu untuk bertindak, seperti pujian, ganjaran, pengiktirafan, atau keperluan akademik seperti lulus peperiksaan. Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai B2 ditakrifkan sebagai proses formal atau tidak formal yang dilalui oleh pelajar bukan penutur asli untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu, termasuk penulisan, pertuturan, dan tatabahasa. Akhir sekali, penulisan esei diertikan sebagai kemahiran kognitif dan linguistik yang melibatkan proses menjana idea, mengolah isi, serta menyusunnya dalam bentuk teks yang padu dan teratur.

Kajian ini didasarkan pada kerangka teori motivasi yang komprehensif dengan Teori Penentuan Kendiri oleh Deci dan Ryan (1985) sebagai tunjang utama. Teori ini membezakan secara jelas antara motivasi intrinsik, yang berpunca daripada autonomi dan kepuasan dalaman, dengan motivasi ekstrinsik, yang didorong oleh rangsangan luaran. Kerangka ini turut diperkukuh oleh konsep Gardner dan Lambert (1972) yang menekankan peranan motivasi integratif dan instrumental, walaupun fokus kajian ini lebih terarah kepada motivasi intrinsik dan ekstrinsik sebagai pemboleh ubah utama. Kerangka konseptual kajian mengandaikan bahawa motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk aspek dalaman pelajar, sokongan guru, dan persekitaran universiti. Bab ini telah memperkenalkan konsep motivasi sebagai pemangkin utama kejayaan dalam pembelajaran dan menyoroti kepentingannya dalam penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, khususnya bagi pelajar bukan penutur asli. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara mendalam hubungan antara motivasi dengan penguasaan penulisan esei dalam kalangan pelajar etnik India, sebagai langkah awal untuk membekalkan guru dan institusi pendidikan dengan maklumat relevan bagi merancang strategi pengajaran yang lebih efektif.

2. Sorotan Literatur

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukan sahaja berperanan sebagai medium komunikasi, tetapi juga sebagai asas pembentukan identiti kebangsaan. Kajian Ghazali dan Mahindran (2024) menegaskan bahawa pengajian Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar serta menanam rasa bangga terhadap identiti kebangsaan melalui pemahaman sejarah dan budaya tempatan. Namun, tahap motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua juga memainkan peranan penting. Kajian oleh Ghazali, Gunasekar dan Razak (2024) mendapati bahawa tahap motivasi pelajar etnik India berada pada tahap sederhana, dengan faktor ekstrinsik seperti keperluan akademik menjadi dorongan utama, di samping faktor intrinsik seperti kepuasan menyelesaikan tugas. Sementara itu, strategi pembelajaran bahasa juga terbukti memberi kesan kepada pencapaian pelajar. Kajian oleh Addanan, Kamaludin, Norul Huda, Ong dan Hashim (2023) menunjukkan bahawa strategi metakognitif merupakan strategi paling digemari oleh pelajar menengah atas dalam meningkatkan kemahiran membaca, yang menekankan kepentingan perancangan, pemantauan, dan penilaian sendiri dalam proses pembelajaran. Walaupun kajian ini memfokuskan kepada Bahasa Inggeris, dapatan tersebut relevan untuk menjelaskan bahawa strategi pembelajaran yang sesuai dapat meningkatkan motivasi serta keberkesanan penguasaan bahasa kedua, termasuk Bahasa Melayu. Tambahan pula, Selvarajoo et al. (2024) mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Inggeris memberi kesan positif terhadap sikap dan persepsi pelajar, menekankan bahawa kaedah pengajaran inovatif turut berpotensi mempengaruhi motivasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang kajian khusus mengenai tahap motivasi pelajar etnik India dalam

pembelajaran Bahasa Melayu, yang perlu diterokai bagi memahami cabaran sebenar yang dihadapi serta merangka strategi pengajaran yang lebih berkesan.

Motivasi merujuk kepada dorongan dalaman yang mendorong individu untuk bertindak dan berusaha mencapai matlamat tertentu. Berasal dari perkataan Latin, *movere*, yang bermaksud bergerak, motivasi secara asasnya adalah penggerak tingkah laku (Ainon Mohd, 2003). Secara lebih khusus, Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002) mendefinisikannya sebagai keinginan yang kuat yang mendorong seseorang untuk berusaha mencapai kejayaan. Wan Rafaei Abdul Rahman (1991) pula melihat motivasi sebagai satu proses bertenaga yang menggerakkan tingkah laku ke arah matlamat yang spesifik. Oleh itu, motivasi tidak hanya melibatkan keperluan dan keinginan, tetapi juga hala tuju yang diambil untuk memenuhinya. Beberapa sarjana turut memberikan pandangan yang serupa; misalnya, Ford (dalam Mohamad Shatar Sabran, 2005) mendefinisikan motivasi sebagai proses yang membangkitkan, mengarah, dan mengekalkan tindakan ke arah tujuan tertentu. Meskipun motivasi seringkali dilihat melalui tingkah laku, ia sebenarnya merupakan kondisi dalaman yang kompleks dan subjektif yang tidak dapat difahami secara langsung (Christopher et al., 1999). Ia adalah motif, harapan, dan keinginan yang menggerakkan individu. Konsep motivasi boleh digambarkan sebagai kitaran, bermula daripada keperluan yang mencetuskan desakan motif, seterusnya menghasilkan ketegangan dan tingkah laku bermotivasi. Apabila matlamat tercapai, kepuasan dan peneguhan akan diperoleh, yang kemudiannya menggalakkan pengulangan tingkah laku bermotivasi tersebut.

Terdapat beberapa paradigma dalam mengklasifikasikan motivasi, namun kajian ini memfokuskan kepada dua kategori utama, iaitu Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik, serta Motivasi Integratif dan Instrumental. Motivasi intrinsik, atau motivasi dalaman, timbul daripada keperluan fisiologi dan psikologi yang bersifat semula jadi dalam diri individu (Rohaty Mohd. Majzub, 1992). Ia didorong oleh faktor dalaman seperti minat, rasa ingin tahu, dan kepuasan peribadi tanpa memerlukan ganjaran luaran. Mahmood Nazar Mohamed (1990) menegaskan bahawa tingkah laku yang didorong oleh motivasi intrinsik berlaku semata-mata kerana individu memperoleh kepuasan dalaman daripada aktiviti tersebut. Sebaliknya, motivasi ekstrinsik adalah dorongan luaran yang mendorong individu untuk bertindak. Mohammad Shatar Sabran (2005) menyatakan bahawa aktiviti yang didorong oleh motivasi ini bertujuan untuk mendapatkan ganjaran seperti pujian, sijil, atau untuk mengelakkan hukuman. Apabila motivasi ekstrinsik mendominasi, pelajar mungkin berasa dimanipulasi atau bergantung sepenuhnya kepada guru, dan pemindahan pembelajaran cenderung sukar berlaku (Rohaty Mohd. Majzub, 1992). Oleh itu, pelajar perlu berhati-hati dan bijaksana terhadap motivasi jenis ini.

Motivasi integratif merujuk kepada dorongan untuk menguasai bahasa kedua dengan tujuan untuk berintegrasi dan menjadi sebahagian daripada komuniti penutur bahasa tersebut (Gardner & Lambert dalam Brown, 1994). Sementara itu, motivasi instrumental didorong oleh motif yang mendatangkan manfaat luaran. Gardner dan Lambert (dalam Brown, 1994) menyatakan bahawa individu yang bermotivasi instrumental menguasai bahasa kedua untuk mencapai matlamat lain, seperti melanjutkan pengajian atau mendapatkan pekerjaan. Menurut Mahmud Kamil al-Naqqat (1985), motivasi jenis ini penting kerana ia mendorong pelajar untuk berusaha mencapai kecemerlangan dan menyumbang kepada komuniti.

Mengkaji motivasi mempunyai beberapa tujuan utama dalam bidang pendidikan. Pertama, ia membantu dalam membina teori dan prinsip yang menjadi asas untuk memahami tingkah laku pelajar. Kedua, penyelidikan motivasi menambah pengetahuan pendidik tentang proses

pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, sekali gus membantu dalam motivasi diri (Sharifah Akmam Syed Zakaria, 2005). Ketiga, bidang motivasi membolehkan pendidik membuat keputusan secara lebih objektif dan saintifik mengenai dorongan pelajar, seterusnya menjawab persoalan mengapa sesuatu tingkah laku berlaku (Ainon Mohd, 2003).

Dalam konteks pendekatan motivasi, kajian ini mengklasifikasikan dua jenis utama. Pendekatan motivasi intrinsik melihat motivasi sebagai keinginan dalaman yang kuat untuk belajar, di mana pelajar menikmati proses pembelajaran itu sendiri dan menetapkan matlamat peribadi (Nordin Mamat, 2001). Sebaliknya, pendekatan motivasi ekstrinsik merujuk kepada dorongan luaran seperti hadiah, ganjaran, atau hukuman, di mana pembelajaran bahasa Melayu dilakukan semata-mata untuk lulus peperiksaan atau mendapatkan gred (Mohd. Sharani Ahmad et al., 2003).

Bahasa adalah medium komunikasi yang penting dalam kehidupan seharian, berfungsi sebagai alat untuk menyampaikan maklumat, perasaan, dan pengetahuan (Ghani & Mahamod, 2015). Di Malaysia, kepelbagaian etnik seperti Melayu, Cina, India, dan pelbagai suku kaum di Sabah dan Sarawak telah mewujudkan persekitaran multibahasa. Setiap kaum mempunyai bahasa pertuturan dan dialek tersendiri (Zuki, 2017), dengan kira-kira 50 jenis bahasa di Sabah dan 32 di Sarawak (Mahamod, 2016). Namun, Bahasa Melayu telah ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 152. Berdasarkan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, semua pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) wajib mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) secara formal.

Dalam konteks pemerolehan bahasa, bahasa pertama (B1) merujuk kepada bahasa ibunda yang dikuasai sejak kecil dan menjadi asas kepada kebanyakan konsep asas kehidupan. Ia seringkali dikaitkan dengan perhubungan dengan keluarga. Manakala, bahasa kedua (B2) pula ialah bahasa yang dipelajari setelah penguasaan B1. Berbeza dengan pemerolehan B1, penguasaan B2 biasanya diperoleh melalui proses pembelajaran yang lebih formal, memerlukan latihan dan pengulangan (Ellis, 1997). Meskipun menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan satu keperluan dalam abad ke-21, ia bukan proses yang mudah. Pengaruh B1, terutama dari segi jarak perbezaan antara dua bahasa tersebut, seringkali menjadi cabaran besar dalam pembelajaran B2 (Hamid, 2011).

3. Metodologi Kajian.

Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif dengan tujuan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah bebas iaitu tahap motivasi (motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik) dan pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dari aspek penulisan esei. Kerangka kajian dibina berdasarkan teori motivasi Gardner dan Lambert (1972), Deci dan Ryan (2000) serta Ellis (1994, 1997) yang menekankan peranan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa.

Reka bentuk kajian berfungsi sebagai panduan utama dalam menentukan hala tuju penyelidikan serta menjawab persoalan kajian secara sistematik. Penyelidikan ini berbentuk kajian tinjauan deskriptif yang bertujuan meninjau tahap motivasi pelajar etnik India terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran soal selidik menggunakan pendekatan kuantitatif. Responden diminta menjawab semua item yang disediakan dalam instrumen soal selidik. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 20.0 bagi menentukan pengaruh pemboleh

ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Rumusan kajian adalah berdasarkan analisis statistik terhadap dapatan kajian yang diperolehi.

Kajian ini dilaksanakan di Universiti Antarabangsa UNITAR yang terletak di Petaling Jaya, Selangor. Pemilihan lokasi ini adalah kerana sampel kajian terdiri daripada pelajar etnik India yang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta tersebut.

Sampel kajian melibatkan seramai 100 orang pelajar etnik India yang sedang mengikuti pengajian di UNITAR. Sampel terdiri daripada gabungan pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih secara persampelan bertujuan.

Instrumen kajian merujuk kepada alat pengukuran yang digunakan untuk memperoleh data berkaitan objektif kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi dan diubah suai daripada kajian Siti Salwah Atan dan Zamri Mahamod (2022) serta Gayatri Marimothu et al. (2024). Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat demografi responden seperti jantina, bahasa pertuturan di rumah dan luar rumah, serta lokasi tempat tinggal (bandar atau luar bandar). Bahagian B mengandungi 10 item berkaitan motivasi intrinsik terhadap penulisan esei bahasa Melayu, manakala Bahagian C mengandungi 10 item berkaitan motivasi ekstrinsik. Item pada Bahagian B dan Bahagian C berbentuk skala Likert 5 mata.

Kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Seramai 30 orang pelajar etnik India dipilih untuk menilai kefahaman item soal selidik serta membantu penyelidik menyemak kejelasan dan susunan item. Analisis data menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan (Cronbach's Alpha) bagi keseluruhan instrumen adalah 0.943, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Secara terperinci, Bahagian B memperoleh nilai 0.918 manakala Bahagian C memperoleh nilai 0.888. Menurut Uma Sekaran dan Roger Bougie (2016), nilai di bawah 0.60 dianggap lemah, nilai antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima, dan nilai melebihi 0.80 dianggap sangat baik.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan soal selidik dalam talian melalui platform Google Forms. Responden diberi penerangan awal mengenai tujuan kajian sebelum mengisi soal selidik yang merangkumi Bahagian A (Demografi responden), Bahagian B (Motivasi intrinsik) dan Bahagian C (Motivasi ekstrinsik).

Data dianalisis menggunakan SPSS versi 20.0. Analisis deskriptif digunakan bagi menghuraikan profil demografi responden serta tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dari sudut penulisan esei. Data demografi dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan, manakala tahap motivasi dianalisis menggunakan nilai min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min adalah seperti berikut: 1.00–2.33 (rendah), 2.34–3.66 (sederhana), dan 3.67–5.00 (tinggi).

4. Dapatan Kajian.

Kajian ini melibatkan seramai 100 orang pelajar etnik India di sebuah universiti swasta. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan profil demografi responden serta tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik mereka terhadap penulisan esei Bahasa Melayu.

Jadual 4.1 merumuskan profil demografi utama responden berdasarkan data frekuensi dan peratusan.

Jadual 4.1: Rumusan Profil Demografi Responden

Ciri Demografi	Kategori Dominan	Peratusan (%)
Jantina	Perempuan	88.0
Fakulti	Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan (FEH)	93.0
Kursus	Bachelor of Education (BOE)	84.0
Major	Bahasa Melayu	47.0
Tahun Pengajian	Tahun Kedua	57.0
Bahasa Pertuturan di Rumah	Bahasa Tamil	71.0
Bahasa Komunikasi Harian	Bahasa Inggeris	51.0
Kawasan Tempat Tinggal	Bandar	79.0

Jadual 4.2 memaparkan rumusan dapatan bagi tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar, yang dinilai menggunakan skala min.

Jadual 4.2: Tahap Motivasi Keseluruhan dan Item Utama

Domain Motivasi	Min Keseluruhan	Tahap	Item dengan Skor Min Tertinggi	Min
Motivasi Intrinsik	3.52	Sederhana	Kerjasama dalam tugas berkumpulan	4.01
			Kepuasan menyelesaikan tugas	3.98
			Berusaha menulis esei dengan baik	3.79
Motivasi Ekstrinsik	3.57	Sederhana	Wajib lulus subjek Bahasa Melayu	4.23
			Ganjaran/latihan daripada guru	4.08
			Memperoleh keputusan cemerlang	4.06

Dapatan menunjukkan bahawa tahap motivasi intrinsik secara keseluruhan berada pada tahap sederhana (min = 3.52), namun aspek seperti kerjasama dan kepuasan peribadi mencatatkan skor yang tinggi. Ini diikuti oleh tahap motivasi ekstrinsik yang juga sederhana secara keseluruhan (min = 3.57), dengan pendorong utama ialah keperluan akademik dan galakan daripada guru.

Dapatan kajian ini menyimpulkan bahawa pelajar etnik India menunjukkan tahap motivasi yang sederhana secara keseluruhan dalam pembelajaran penulisan esei Bahasa Melayu. Namun, perbincangan terperinci mendedahkan wujudnya elemen-elemen motivasi yang ketara dalam kedua-dua domain intrinsik dan ekstrinsik.

Dapatan menunjukkan bahawa responden mempunyai motivasi intrinsik yang positif, terutamanya dalam aspek yang melibatkan minat dan keseronokan. Skor min yang tinggi bagi item "minat belajar" (min = 3.71) dan "seronok belajar" (min = 3.75) adalah selari dengan dapatan kajian terdahulu oleh Ganesan & Mohammad (2021) serta Siti Salwah Atan & Zamri Mahamod (2022), yang melaporkan bahawa pelajar bukan Melayu berasa seronok dalam pembelajaran bahasa kedua. Hal ini menunjukkan bahawa pengalaman pembelajaran yang menarik dapat menyumbang kepada motivasi intrinsik.

Di samping itu, motivasi ekstrinsik memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembelajaran. Motivasi ini sangat dipengaruhi oleh faktor luaran seperti ganjaran dan pengiktirafan. Skor min yang tinggi bagi item berkaitan pujian dan galakan daripada guru (min = 3.71) disokong oleh dapatan kajian Atan & Badusah (2013) yang mendapati ganjaran merupakan dorongan yang kuat bagi pelajar etnik Cina dan India. Faktor ekstrinsik yang paling dominan ialah keperluan akademik, di mana skor min tertinggi dicatatkan oleh item Bahasa Melayu adalah subjek yang wajib lulus (min = 4.23). Dapatan ini konsisten dengan kajian

Mohd Uzir et al. (2018) dan Gayatri Marimothu et al. (2024), yang menekankan peranan kelulusan sebagai prasyarat pendidikan.

Walau bagaimanapun, satu dapatan yang berbeza daripada literatur sedia ada ialah skor motivasi yang sederhana berkaitan dengan penggunaan bahan bacaan di luar kelas, seperti buku atau majalah Bahasa Melayu, untuk meningkatkan kemahiran menulis ($\text{min} = 3.16$). Ini berbeza dengan dapatan Siti Salwah Atan dan Zamri Mahamod (2022) yang menunjukkan pelajar mempunyai keyakinan bahawa membaca dapat membantu menjana idea. Perbezaan ini mungkin memerlukan penelitian lebih lanjut.

Secara tuntasnya, motivasi adalah pemboleh ubah penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa, sepertimana yang ditegaskan oleh Mahamod (2016). Walaupun pelajar etnik India menunjukkan tahap motivasi keseluruhan yang sederhana, dapatan ini menggariskan bahawa strategi pengajaran yang menggabungkan elemen intrinsik (seperti aktiviti kolaboratif) dan ekstrinsik (seperti ganjaran dan penekanan kepentingan akademik) adalah penting untuk meningkatkan motivasi dan seterusnya penguasaan penulisan esei Bahasa Melayu.

4. Kesimpulan.

Kejayaan dalam penguasaan bahasa kedua merupakan fenomena kompleks yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor, dengan aspek motivasi sebagai salah satu pemboleh ubah kritikal. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pelajar etnik India di institusi pengajian tinggi mempunyai tahap motivasi yang sederhana dalam pembelajaran penulisan esei Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Tahap motivasi ini, walaupun tidak pada tahap tinggi, tetap menunjukkan wujudnya dorongan intrinsik dan ekstrinsik yang mempengaruhi usaha pembelajaran mereka.

Dapatan ini menegaskan bahawa motivasi pelajar bukanlah satu entiti tunggal, tetapi gabungan dorongan dalaman dan luaran. Walaupun pelajar mungkin tidak menunjukkan minat yang tinggi (intrinsik) untuk menjadikan penulisan esei sebagai hobi, mereka didorong oleh keperluan akademik (ekstrinsik) seperti kelulusan subjek dan pencapaian keputusan cemerlang. Oleh itu, penganalisan motivasi perlu mengambil kira keseimbangan antara kedua-dua domain ini.

Implikasi utama kajian ini ialah peranan signifikan guru dalam memupuk dan mengekalkan motivasi pelajar. Guru perlu mengadaptasi kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar lebih kreatif dan responsif kepada keperluan pelajar bukan penutur jati. Sebagai contoh, guru boleh merancang aktiviti yang memupuk minat dalaman pelajar, selain menggunakan ganjaran luaran seperti pujian dan hadiah untuk meningkatkan semangat mereka. Pendekatan ini selari dengan cadangan penyelidik terdahulu (Chew & Maisarah, 2019; Nor Azimah & Dahlia, 2017; Abdul Rasid et al., 2016) yang mengesyorkan agar guru mempelbagaikan teknik PdP. Penguasaan penulisan esei bukan hanya bergantung kepada kebolehan semula jadi pelajar, tetapi juga dipengaruhi secara ketara oleh kecekapan dan kreativiti guru dalam bilik darjah (Sh. Siti Hauzimah, 2019; Chew, 2016; Zamri & Magdeline, 2012).

Pihak pentadbir universiti dan penggubal dasar pendidikan perlu mengambil maklum tentang kepentingan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar pihak universiti merangka program atau aktiviti kokurikulum yang dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk menggunakan Bahasa Melayu dalam kehidupan seharian. Program ini

boleh berbentuk kelab bahasa, bengkel penulisan kreatif, atau pertandingan esei yang menawarkan ganjaran menarik.

Selain itu, ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran bahasa kedua anak-anak mereka. Galakan untuk bertutur dalam Bahasa Melayu di rumah dapat merangsang keyakinan dan motivasi mereka untuk berinteraksi dalam bahasa tersebut. Kerjasama antara guru, institusi, dan ibu bapa adalah kritikal untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran yang kondusif dan menyokong penguasaan bahasa kedua secara menyeluruh.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada UNITAR International University kerana membiayai penerbitan ini.

Pernyataan Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan mengenai penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Rasid, M., Azlan, M., & Zamri, M. (2016). Peranan guru dalam memupuk minat belajar penulisan esei dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan Malaysia*, 2(1), 45–56.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod, & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah murid etnik Bajau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26–36. <https://doi.org/10.57174/j.born.v4i3>
- Atan, S. S., & Badusah, J. (2013). Pengaruh ganjaran terhadap motivasi pelajar Cina dan India dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 1(2), 78–90.
- Budiawan. (2008). Pengaruh sikap bahasa dan motivasi belajar bahasa terhadap prestasi pada mata pelajaran Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggris (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). University of Indonesia.
- Chee Hwa Ooi, & Vijaya Letchumi. (2016). Tahap motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi*, 18, 115–130.
- Chew, F. P. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 10–22.
- Chew, F. P., & Maisarah, A. (2019). Kaedah pengajaran kreatif dalam meningkatkan kemahiran menulis esei pelajar. *Jurnal Inovasi Pedagogi*, 7(1), 112–125. <https://doi.org/10.35316/edupedia.v7i1.2094>
- Deci, E., & Ryan, R. (1985). *Intrinsic motivation and self-determination in human behavior*. Plenum Press.
- Dornyei, Z. (2005). *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Ellis, R. (2003). *Second language acquisition*. Oxford University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Edward Arnold.
- Gardner, R. C. (2001). Language learning motivation: The student, the teacher, and the researcher. *Texas Papers in Foreign Language Education*, 6, 1–18.
- Gardner, R. C. (2005). Integrative motivation and second language acquisition. Canadian Association of Applied Linguistics/Canadian Linguistics Association Joint Plenary Talk, London, Canada.

- Gayatri Marimothu, Rohaidah Kamaruddin, & Muhammad Alif Redzuan. (2024). Elements of attitude and motivation of SJKT students at Form 1 in Malay language mastery. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(5). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS>
- Ghazali, N. H. M., & Mahindran, S. (2024). Kepentingan Bahasa Melayu dalam memperkukuhkan identiti kebangsaan pelajar di institusi pengajian tinggi swasta. *Asian Scholars Network Conference Proceedings*, 1–10.
- Go See Yee. (2021). Dorongan guru dan rakan sebaya terhadap motivasi dan penglibatan murid di sekolah rendah (Kertas Projek Sarjana Pendidikan). Universiti Teknologi Malaysia.
- Jailani Che Abas, Mohd Asri Abdul Razak, & Suzilla Wati Bronson. (2021). Sikap dan masalah pelajar bukan Melayu IPGKTAA dalam pembelajaran kursus teras Bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7(Isu Khas), 1–10. <http://injet.upm.edu.my/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). DSKP Bahasa Melayu Tahun 4. Bahagian Pendidikan Kurikulum.
- Khairul Nizam, M. (2017). Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu pelajar di sekolah menengah (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin, & Musab Sahrim. (2018). Tahap motivasi holistik, intrinsik dan ekstrinsik terhadap pembelajaran kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75–93.
- Mahamod, Z. (2016). Penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.
- Masitah Binti Muhammadin. (2018). Faktor ekstralinguistik pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina (Tesis Sarjana Sastera). Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Uzir Bin Zubir, Rohaidah Kamaruddin, & Sharil Nizam Sha'ri. (2018). Motivasi dan sikap terhadap pembelajaran Bahasa Melayu murid tingkatan satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang*, 3, 82–91.
- Nancy Ngumbang, & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47–58.
- Nor Aroma Abu Bakar, Khairul Zaidy Mansor, Puvaneswary A/P Batmanathan, & Zetty Nurzuliana Rashed. (2021). Tahap motivasi belajar dalam kalangan murid di dua buah sekolah di daerah Hilir Perak. Dalam *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*.
- Nora'Azian Nahar. (2020). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*, 9(1). <https://doi.org/10.33736/ils.7305.2025>
- Nora Azian Nahar, & Fadzilah Abd Rahman. (2018). The level of Malay language proficiency of non-native students and its relationship with a second language learning motivation. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 4(1), 1–8. <http://injet.upm.edu.my/>
- Puvaneswari A/P Ganesan, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Motivasi murid India terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 203–212. <https://doi.org/10.32533/03104.2019>
- Savitry Chelliah, & Norasmah Hj Othman. (2022). Tahap penguasaan Bahasa Melayu dengan pencapaian prestasi mata pelajaran Perniagaan murid bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001509. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1509>

- Selvarajoo, P. C. B., Thomeeran, H., Ghazali, N. H. M., & Ganesen, D. (2024). The effectiveness of using technology in learning English among secondary school students in the endemic phase. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(6), 1415–1425. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i6/21762>
- Sh. Siti Hauzimah, S. M. (2019). Peranan guru dalam meningkatkan motivasi penulisan esei Bahasa Melayu (Tesis Sarjana). Universiti Putra Malaysia.
- Siti Salwah Atan, & Zamri Mahamod. (2022). Remove class students' motivation in learning Malay language essay writing - a case study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(3), 1297–1307. <https://ijarped.com/index.php/journal/article/view/1785>
- Voo Mui Ting, Norfaizah Abdul Jobar, & Zuraini Ramli. (2023). Tahap penguasaan dan hubungan antara faktor sikap, motivasi dan persekitaran guru pelatih bahasa kedua dalam tatabahasa Bahasa Melayu. *LSP International Journal*, 10(1). <https://doi.org/10.1504/IJLSM>
- Zamri, M., & Magdeline, A. (2012). Guru sebagai pendorong motivasi dalam pengajaran Bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.